

Pertama kali Mahathir rasmi perhimpunan agung UMNO

UM 28 JUL 1982

Oleh:

MOHD. SIDEK SALLEH

KUALA LUMPUR 27 Julai - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad buat pertama kali akan merasmikan Perhimpunan Agung UMNO ke-33 pada 10 hingga 12 September selaku presiden parti sejak terpilih ke jawatan tersebut pertengahan Julai tahun lalu.

Timbalannya, Datuk Musa Hitam juga bagi kali pertama akan merasmikan perhimpunan agung Pergerakan Pemuda/Wanita pada 9 September.

Setiasaha Agung UMNO, Datuk Haji Mustaffa Jabar mensifatkan kedua-dua peristiwa tersebut sebagai satu sejarah dalam UMNO sejak berlaku pertukaran dalam pucuk pimpinan parti.

Dalam satu pertemuan khas dengannya hari ini beliau berkata semua persiapan sedang berjalan dengan lancar.

"Majlis Tertinggi UMNO akan bermesyuarat Ogos ini, bagi membereskan lagi segala persiapan

untuk peristiwa yang bersejarah itu dengan dipengerusikan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad", katanya.

Bagaimanapun, beliau memberitahu penetapan tarikh bagi mesyuarat tersebut belum lagi diputuskan oleh presiden parti.

Datuk Haji Mustaffa juga mengumumkan bagi pertama kalinya wakil-wakil dari Kelab UMNO di Pakistan dan Kaheerah akan dijemput untuk menghadiri perhimpunan agung tersebut.

Katanya, pada masa-masa lalu wakil-wakil Kelab UMNO United Kingdom menghadiri perhimpunan tersebut.

"Mereka akan diberi peluang untuk berucap semasa perbahasan", katanya.

Beliau menarik perhatian sekali lagi kepada semua bahagian UMNO di seluruh Semenanjung yang belum lagi mengadakan mesyuarat masing-masing supaya berbuat demikian tidak lewat 10 Ogos ini.

"Sebarang mesyuarat selepas 10 Ogos depan, tidak akan diakui sah oleh ibu pejabat UMNO", tegasnya.

Beliau juga mengingatkan bahagian-bahagian Pemuda supaya mengadakan mesyuarat masing-masing selewat-lewatnya sebelum 9 Ogos ini.